

D777

R B422 DEB

MAHATHIR-BERKANUN 1984

KUALA LUMPUR, 25 NOV. (BERNAMA) -- PRESTASI SETENGAH-SETENGAH BADAN BERKANUN DI NEGARA INI ADALAH TIDAK MEMUASKAN, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU MEMINTA BADAN-BADAN BERKANUN BERTEKAD DAN BERUSAHA LAGI BAGI MENINGKATKAN KEBERKESANAN SEGALA DASAR, PROGRAM DAN STRATEGI Masing-masing supaya negara dan masyarakat akan mendapat manfaat yang lebih lagi.

+WALAU PUN UNTUNG RUGI SESUATU BADAN BERKANUN ITU TIDAK BOLEH DIJADIKAN UKURAN OLEH KERANA PERANANNYA YANG KADANGKALAPERLU MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF-OBJEKTIF SOSIAL, KITAMASIH DAPAT MENGUKUR KEJAYAANNYA DENGAN MENELITI KEKESANAN SESEBUAH BADAN BERKANUN ITU" DALAM MENCAPAI OBJEKTIF-OBJEKTIF YANG DITENTUKAN. +

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN DALAM KATA-KATA SAMBUTANNYA SEMPENA TERBITAN. SULUNG BERKANUN -- RISALAH BERITA PERSATUAN BADAN-BADAN BERKANUN MALAYSIA YANG DIEDARKAN TIGA BULAN SEKALI.

PERDANA MENTERI YAKINKERJASAMA DAN PERTUKARAN PENGALAMAN SECARA OBJEKTIF ANTARA BADAN-BADAN YANG BERJAYA DENGAN YANG KURANG BERJAYA AKAN DAPAT JUGA MEMBANTU MENINGKATKAN MUTU" DAN PRESTASI BADAN-BADAN BERKANUN KESELURUHANNYA. ---LAGI

1246MST 25 11 84

D785

R B426 DEB

MAHATHIR-BERKANUN 2 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI MAHU PERHUBUNGAN YANG RAPAT DIJALINKAN TERLEBIH DAHULU" BAGI MEWUJUDKAN KERJASAMA DAN PERTUKARAN PENGALAMAN.

BELIAU BERHARAP RISALAH +BERKANUN+ INI AKAN DAPAT MENJALINKAN PERHUBUNGAN RAPAT ANTARA KESEMUA BADAN BERKANUN SUPAYA CITA-CITA MEWUJUDKAN KERJASAMA DAN PERTUKARAN PENGALAMAN ITU AKAN BERJAYA.

PERSATUAN BADAN-BADAN BERKANUN MALAYSIA TELAH DITUBUHKAN PADA 14 APRIL LALU DI BAWAH NAUNGAN PERDANA MENTERI UNTUK MEMPERKUKUHKAN KERJASAMA DI ANTARA 55 BUAH BADAN-BADAN BERKANUN DAN MENINGKATKAN MUTU PENTADBIRANNYA.

SEBANYAK 39 ORGANISASI TERMASUK BANK PERTANIAN, BANK SIMPANAN NASIONAL, INSTITUT TEKNOLOGI MARA, DARA, MIDA, FELDA, LLN, LPN DAN PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA) MENGGANGOTAI PERSATUAN ITU.

DALAM KATA PENGANTARNYA, YANG DIPERTUA PERSATUAN, DATUK HAJI HANAFIAH AHMAD, BERHARAP BADAN-BADAN BERKANUN DAPAT BERGERAK CERGAS SEPERTI BADAN-BADAN SWASTA WALAU PUN IA TERTAKLUK KEPADA PERATURAN-PERATURAN YANG DITENTUKAN BAIK DARI SEGI KEWANGAN DAN PENGURUSAN KAKITANGAN SEPERTI PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM. ---LAGI

1308MST 25 11 84

D786

R B427 DEB

MAHATHIR-BERKANUN 3 KUALA LUMPUR

DATUK HAJI HANAFIAH YANG JUGA PENGARAH BESAR LEMBAGA "RUSAN DAN TABUNG HAJI BERHARAP BADAN-BADAN BERKANUN AKAN DAPAT MENYELESAIKAN SEGALATANGGUNGJAWAB YANG DIBERI DENGAN GIGIH, CEKAP DAN PELAKSANAANNYA DIBUAT MENGIKUT JADUAL YANG DITENTUKAN.

BELIAU YAKIN KERAJAAN DAN RAKYAT AKAN MENARUH KEPERCAYAAN KEPADA BADAN-BADAN BERKANUN PADA MASA DEPAN SEKIRANYA MEREKA DAPAT MEMBUKTIKAN KECEKAPAN, KEJUJURAN DAN KEIKHLASAN DALAM MENJALANKAN TUGAS Masing-masing.

+ELAKKANLAH DARI MELAKUKAN SESUATU PERKARA YANG MENYUKARKAN DAN MENYULITKAN ORANG RAMAI YANG SENTIASA MENGHARAPKAN LAYANAN BAIK, +

---BERNAMA